

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]
TARIKH : 02.8.2017 (RABU)

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan mekanisme yang dilakukan pihak Kementerian dalam mengawal industri Francais dalam negara agar tidak menjejaskan perniagaan usahawan tempatan atau Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

JAWAPAN :**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui penguatkuasaan Akta Francais 1998 telah menetapkan peraturan-peraturan dan peruntukan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam perniagaan francais sebagai salah satu langkah tadbir urus sektor ini. Syarikat pemberi francais diwajibkan untuk berdaftar dengan Pendaftar Francais sebelum boleh menjalankan perniagaan francais atau membuat tawaran untuk menjual francais kepada mana-mana orang.

Dari aspek operasi perniagaan pula, sektor francais tidak menjejaskan sektor industri kecil dan sederhana memandangkan kedua-dua sektor ini mempunyai perbezaan serta kelainan dalam pelbagai aspek seperti ciri-ciri perniagaan yang dijalankan (*nature of business*), sasaran pasaran, pengurusan perniagaan, pengurusan produk/perkhidmatan dan juga strategi pemasaran. Malahan, sektor francais turut memberi peluang kepada usahawan industri kecil dan sederhana untuk mengembangkan perniagaan mereka serta menyediakan platform untuk perniagaan industri kecil dan sederhana dibangunkan ke arah perniagaan francais. Kedua-dua sektor industri ini adalah saling bantu-membantu.